

Newspaper	Berita Harian
Date	6 March 2016

Tindakan Dr M jejas kestabilan negara

BH - 6/3/2016

Kuala Lumpur: Tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad bersekongkol bersama pembangkang untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, boleh menyebabkan negara menjadi tidak stabil, sekali gus mendorong pelabur asing menjauhkan diri.

Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman, berkata pelaburan asing adalah salah satu sumber utama bagi pembangunan negara.

Katanya, kemasukan pemodal asing boleh meningkatkan pen-

dapatan negara, mewujudkan peluang-pekerjaan dan meningkatkan kemajuan ekonomi.

"Oleh yang demikian, kerajaan menjalankan pelbagai langkah bagi menggalakkan pelaburan asing di negara ini.

Agenda politik tersirat

"(Maka) Adakah dengan agenda politik tersendiri dan tersirat oleh mana-mana kumpulan untuk mensabotaj perkara ini mampu menyelamatkan Malaysia?" katanya dalam kenyataan

di sini, semalam.

Anifah berkata, Malaysia adalah negara yang memiliki kekuatan dalam proses demokrasi dan ekonomi sehingga diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Katanya, dua faktor utama itu menjamin kestabilan dalam negara ketika ini dan dijangka kesinambungannya akan berterusan.

"Sebelum ini, Dr Mahathir sendiri pernah menyifatkan perubahan kerajaan bukanlah terbaik untuk Malaysia kerana ia hanya akan merencatkan kemajuan eko-

nomi yang cuba dibawa oleh kerajaan sedia ada.

"Bekas Perdana Menteri itu (pernah) menegaskan Malaysia berbeza dengan negara lain kerana tidak pernah bertukar pemerintahan sejak mencapai kemerdekaan dan menggambarkan perubahan kerajaan bakal memberi kesan teruk, terutama dari segi ekonomi," katanya.

Buat pusingan 'U'

Namun, katanya, Dr Mahathir kini membuat 'Pusingan U' apabila

dilihat sedang membawa ancaman besar yang mampu memporak perandakan negara.

"Kita bimbang dengan situasi politik ketika ini, pembangkang akan licik memainkan peranan dengan 'mengapi-apikan' pemimpin kerajaan lain untuk melakukan perkara yang pastinya bukan membantu rakyat di negara ini, sebaliknya menjadikan situasi politik berada dalam keadaan paling teruk.

○ Rakyat tolak langkah pihak tertentu cetus anarki politik - RENCANA 25